

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang Pembiayaan Berjangka-i bagi ASB / ASB 2 anda.

Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN BERJANGKA-I ASB / ASB2

Pembiayaan Berjangka-i bagi ASB / ASB2 merupakan satu kemudahan pembiayaan bagi pelanggan untuk menyertai pelaburan di bawah unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) / Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) yang terdiri daripada Pakej ASB SMART SUPER dan ASB SMART EDUCATION. Kemudahan ini adalah pembiayaan bertempoh bercagar yang patuh Syariah, bagi membolehkan pelanggan melabur dalam unit ASB / ASB2.

ASB SMART SUPER	Pembiayaan ASB / ASB2 biasa.
ASB SMART EDUCATION	Ibu bapa atau penjaga bertindak sebagai pemohon dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap bayaran pembiayaan bagi pihak kanak-kanak. Pelaburan ASB/ASB2 akan didaftarkan di atas nama kanak-kanak tersebut

Pelanggan memilih skim pembiayaan berjangka biasa sebagai modal pelaburan dalam ASB / ASB 2 dan pelanggan hendaklah membuat bayaran ansuran bulanan (merangkumi prinsipal dan keuntungan) sehingga tamat tempoh pembiayaan. Pelanggan akan menikmati pulangan melalui dividen ASB / ASB 2, yang akan dikreditkan secara automatik ke dalam dana ASB / ASB 2 milik pelanggan.

Pembiayaan Berjangka-i bagi ASB / ASB2 ini berasaskan konsep *Tawarruq* dan menggunakan gabungan kontrak Syariah termasuk *Murabahah*, *Wakalah* dan digabungkan dengan janji yang mengikat di bawah konsep *Wa'd Mulzim*. Di bawah *Wa'd Mulzim*, pelanggan membuat satu janji yang mengikat bagi permintaan aset untuk membeli komoditi-komoditi patuh Syariah ("Komoditi") daripada pihak Bank pada Harga Jualan. Di bawah kontrak *Wakalah*, pelanggan melantik pihak Bank sebagai ejen untuk membeli dan menjual Komoditi bagi pihak pelanggan.

Pihak Bank akan membeli Komoditi daripada pembekal pada Harga Belian, dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada pelanggan pada Harga Jualan secara *Murabahah* (kos tambah). Harga Jualan hendaklah dibayar oleh pelanggan kepada pihak Bank secara tertangguh.

Pelanggan hendaklah seterusnya menjual Komoditi tersebut (melalui pihak Bank yang bertindak sebagai ejen) kepada pihak ketiga secara tunai, dan wang tunai tersebut akan dianggap sebagai amaun pembiayaan kepada pelanggan. Transaksi *Tawarruq* hendaklah dilaksanakan sebelum pembayaran amaun pembiayaan kepada pelanggan.

Pelanggan boleh memohon untuk mengambil komoditi yang telah dibeli sebelum ia dijual kepada pihak ketiga. Semua kos dan perbelanjaan berkaitan penghantaran serta pemindahan pemilikan Komoditi hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan. Dalam keadaan tersebut, amaun pembiayaan tidak akan dikeluarkan bagi tujuan pembelian unit ASB / ASB2 bagi pihak pelanggan.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Ciri Menarik Produk Pembiayaan			
Pakej		ASB SMART SUPER	ASB SMART EDUCATION
Jumlah Pembiayaan	Minimum	RM10,000	RM10,000
	Maksimum	RM200,000*	RM200,000*
*Termasuk baki tertunggak sedia ada dalam Pembiayaan Berjangka-i bagi ASB/ ASB 2 (jika ada), atau sehingga jumlah pelaburan maksimum yang dibenarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), yang mana lebih rendah. Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan penilaian kredit oleh pihak Bank.			
Tempoh Pembiayaan	Minimum	5 tahun	5 tahun
	Maksimum	35 tahun	18 tahun / umur 18 tahun dan umur 70 bagi penjaga**
**Mengikut mana yang lebih awal.			
Jumlah Sijil	- Sehingga 200,000 unit ASB/ ASB2. - Bilangan sijil boleh dibahagikan seperti berikut tertakluk pada denominasi minimum RM 1,000 setiap sijil.		
	Nilai Pelaburan		Bilangan Maksimum Sijil ASB/ ASB2
	Sehingga RM50,000		2
	> RM50,000 - RM100,000		3
	> RM100,000 - RM200,000		5

Anda bertanggungjawab untuk:

 Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.

 Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan secara penuh selama **tempoh pembiayaan pilihan anda**. Hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.

 **Segera hubungi kami** jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Ilustrasi Kiraan Kadar Keuntungan	
Amaun Pembiayaan	: RM100,000.00
Margin Pembiayaan	: Sehingga 105% daripada nilai nominal unit ASB / ASB2 (termasuk pembiayaan GRIT ASB / ASB2)
Tempoh Pembiayaan	: 15 Tahun
Kadar Keuntungan	: 3.95% (Tahun 1 hingga Tahun 3)
Kadar Keuntungan Efektif	: Kadar Asas Standard (KAS) +/- Spread: 2.75% + 1.20% (Tahun 1 hingga Tahun 3)
Had Kadar Keuntungan	: 10.50% setahun
Harga Jualan (Termasuk margin keuntungan)	: RM198,972.00
Nota	: - Pengiraan keuntungan berdasarkan baki harian. Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. - Ilustrasi bagi KAS ialah 2.75% setahun.

No	Fi & Caj*	Amaun
1.	Setem Hasil (Nominal)	RM10
2.	Fi Sijil ASB/ ASB 2	RM50
	+ Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 8%	RM4
	Total	RM 54

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

3.	Kadar Keuntungan ASB SMART SUPER	Kadar Keuntungan ASB SMART SUPER dengan kadar keuntungan yang lebih rendah bagi tempoh 5 tahun pertama. <table><tr><th colspan="2">ASB SMART SUPER dengan Takaful</th></tr><tr><th>Tempoh</th><th>Dengan PP** (Buka akaun CASAIA & melanggan 2 Produk Kekayaan)</th></tr><tr><td>Tahun 1 - Tahun 3</td><td>3.95%</td></tr><tr><td>Tahun 4 - Tahun 5</td><td>4.45%</td></tr><tr><td>Tahun 6 dan seterusnya</td><td>4.75%</td></tr></table> Note: Tanpa PP** Sila rujuk kepada kakitangan kami untuk maklumat lanjut.	ASB SMART SUPER dengan Takaful		Tempoh	Dengan PP** (Buka akaun CASAIA & melanggan 2 Produk Kekayaan)	Tahun 1 - Tahun 3	3.95%	Tahun 4 - Tahun 5	4.45%	Tahun 6 dan seterusnya	4.75%
ASB SMART SUPER dengan Takaful												
Tempoh	Dengan PP** (Buka akaun CASAIA & melanggan 2 Produk Kekayaan)											
Tahun 1 - Tahun 3	3.95%											
Tahun 4 - Tahun 5	4.45%											
Tahun 6 dan seterusnya	4.75%											
4.	Caj Lewat Bayar	1% setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.										

- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- *Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.
- **Penyesuaian Produk.

Nota Penting:

Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda ini ditetapkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS), yang merupakan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

Kadar (Terapung)	Hari ini (KAS* =2.75%)	Jika KAS meningkat 1%	Jika KAS meningkat 2%
Kadar Berkesan	3.95%	4.95%	5.95%
Bayaran Bulanan			
Tahun 1- Tahun 3	RM737.20	RM788.20	RM841.20
Tahun 4 - Tahun 5	RM786.30	RM834.90	RM884.70
Tahun 6 dan seterusnya	RM810.70	RM855.80	RM904.80
Jumlah kos keuntungan di akhir 15 tahun	RM42,694.40	RM51,108.80	RM66,092.00
Jumlah bayaran di akhir 15 tahun	RM142,694.40	RM151,108.80	RM160,092.00

Nota: Kadar keuntungan mungkin berubah sepanjang tempoh pembiayaan bergantung kepada perubahan pada Kadar Asas Standard (KAS)

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, sila ambil maklum bahawa:-

- Anda akan menerima rebat (ibra') ke atas keuntungan tertunggak mengikut prinsip Syariah.
- Rebat tersebut adalah muktamad.
- Pihak Bank akan mengira rebat berdasarkan penyelesaian awal dan jumlah bayaran yang telah dibuat.
- Formula Ibra': Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak) - Jumlah Prinsipal Tertunggak - Jumlah Terhutang kepada Bank - Pengurangan Ibra'.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang akan berlaku sekiranya anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Anda perlu membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/Ta'widh) iaitu 1% setahun daripada ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.
- Kami boleh menolak wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- Kami akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap anda.
- Skor kredit anda mungkin terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

4 TERMA UTAMA LAIN

- Sila maklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda.
- Penjamin atau cagaran tidak diperlukan kerana sijil ASB / ASB 2 yang diperolehi daripada pembiayaan ini telah dicagarkan kepada pihak Bank.
- Anda bebas membuat pilihan sama ada untuk mengambil perlindungan Takaful atau tidak bagi melindungi pembiayaan anda. Walau bagaimanapun, pelanggan digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful daripada penyedia panel Takaful atau bukan panel takaful semasa.
- Hak untuk tolak-selesai: Kami berhak untuk menolak-selesai baki tertunggak dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda dengan kami, di mana pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Pembiayaan Berjangka-i ASB / ASB2 anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
Pembiayaan Berjangka-i bagi ASB / ASB 2



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:

Tarikh:

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah berkuatkuasa: **16th Mac 2026**